

07 APR 1996

Mahathir - Kanak-kanak

BEKALKAN DIRI DENGAN PELAJARAN UNTUK MASA DEPAN DAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Kanak-kanak perlu membekalkan diri dengan pelajaran demi masa depan mereka sendiri dan membantu masyarakat serta negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan bagaimana rakyat Malaysia khususnya kanak-kanak boleh membantu negara supaya terus aman dan tenteram oleh pasukan Golden Kids News yang bertemunya semalam untuk menyerah sumbangan RM5,000 kepada Tabung Bantuan Pendidikan Bosnia.

Temuramah ringkas dengan Perdana Menteri itu disiarkan pagi ini dalam program Golden Kids News menerusi TV2.

"Pertamanya, semua kanak-kanak di Malaysia mestilah menyediakan diri mereka untuk masa depan, terutama bidang pelajaran mereka bagi membekalkan diri dengan pelajaran yang mencukupi supaya dapat, bukan sahaja, bekerja untuk mendapat pendapatan bagi diri sendiri tetapi juga untuk menolong membangunkan masyarakat dan negara," kata Perdana Menteri.

"Kita hidup dalam masyarakat dan masyarakat yang bertanggung jawab akan mendatangkan manfaat kepada kita dan dari manfaat itu, kita harus juga menolong pihak lain dan tidak timbul masalah lain," katanya.

Khairul Azrin Sabri, 11, yang menemuramah Dr Mahathir juga merujuk kepada perasaan terharu Perdana Menteri tempoh hari pada majlis Tabung Bantuan Pendidikan Bosnia dan meminta nasihat beliau untuk kanak-kanak bertuah di Malaysia.

Dr Mahathir berkata mereka harus selalu bersyukur kerana berada dalam keadaan yang aman dan tidak terancam di Malaysia.

"Dan sebagai balasan, kalau kita bersyukur sahaja tetapi kita tidak balas pun, tidak kena. Kita jangan buat apa-apa yang menyebabkan keadaan dalam negara itu terancam," tambahnya. -- BERNAMA

TCL CR